



OLEH  
YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN  
KETUA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN



## **UCAPAN BAJET 2017**

**OLEH**

**Y.A.B. DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN  
KETUA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN SABAH**

**DI**

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**PADA**

**18 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)**

**BERSAMAAN 18 SAFAR 1438H**

**“RAKYAT DIJIWAI, KEMAKMURAN DINIKMATI”**

**Bismillahir Rahmannir Rahim,**

Tuan Speaker,

1. Saya mohon mencadangkan Bajet Negeri Sabah bagi tahun 2017 untuk kelulusan Dewan yang mulia ini.

### **MUKADIMAH**

2. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah, dengan kudrat dan iradat-Nya jua, maka dapatlah kita semua berhimpun sekali lagi di Dewan yang mulia ini untuk saya memikul amanah bagi membentangkan Bajet Negeri Sabah tahun 2017, pada petang Jumaat yang mulia ini, penghulu segala hari, 18 November 2016 bersamaan dengan 18 Safar 1438 Hijrah.

3. Terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran dan merafakkan segala pujian kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan Yang Maha Berkuasa serta selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam dan keluarga serta sahabat-sahabat baginda. Semoga segala perancangan yang kita susun rapi bagi membangunkan negeri yang tercinta ini akan terlaksana dengan penuh kejayaan dan kecemerlangan jua, Insyaallah.

Tuan Speaker,

4. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Datuk Seri Panglima Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri yang kita kasihi kerana sentiasa memberikan sokongan padu dalam memastikan pembangunan di negeri ini kekal dan berterusan. Semua ini tercapai berkat hubungan yang rapat dan jitu antara Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sabah dengan Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan.

5. Hubungan yang akrab ini jelas terbukti dengan pelaksanaan **pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo** bagi menyediakan rangkaian perhubungan jalan raya yang lebih berkualiti serta mampu mempertingkatkan akses dan *connectivity* antara wilayah. Pelaksanaan jaringan jalan raya ini juga mampu merangsang pertumbuhan ekonomi persekitaran, seterusnya membantu memacu pembangunan di negeri ini.

6. Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo ini juga merupakan satu pengiktirafan kepada Kerajaan Negeri kerana bukan sahaja Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan untuk melaksanakannya tetapi Kerajaan Persekutuan juga bersetuju untuk melantik kontraktor-kontraktor dan konsultan-konsultan dari kalangan anak-anak tempatan Sabah. **Inilah yang dikatakan, pembangunan dinikmati, janji ditepati.**

7. Kita menghargai usaha Kerajaan Pusat bagi meningkatkan kemudahan-kemudahan kesihatan seperti hospital dan Klinik 1Malaysia, menyediakan kemudahan infrastruktur dan sosio ekonomi di Koridor Pembangunan Sabah (SDC) serta membina Rural Transformation Centre (RTC) di kawasan luar bandar Sabah. Kita juga sentiasa mengharapkan agar aset-aset dan keperluan ESSCOM akan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa demi keselamatan rakyat di Negeri Sabah.

Tuan Speaker,

8. Asas-asas ekonomi negeri Sabah adalah kukuh dan kekal berada pada jajaran yang tepat. Namun, kita akui masih terdapat ruang untuk meningkatkan pembangunan di negeri ini terutamanya dalam konteks sosio-ekonomi dan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan asas untuk manfaat rakyat jelata.

9. Saya yakin, Kerajaan Barisan Nasional yang menunjangi tampuk pemerintahan Kerajaan Negeri sentiasa berusaha sedaya upaya dan sebaik mungkin, dalam menggalas amanah dan menggembeleng tenaga untuk kesejahteraan rakyat.

## EKONOMI DUNIA

Tuan Speaker,

10. Pertumbuhan **ekonomi dunia** diramalkan mengalami penguncupan daripada kadar 3.2 peratus pada tahun 2015 kepada 3.1 peratus pada tahun 2016 sebelum kembali berkembang dan mencecah kadar **3.4 peratus** pada tahun **2017**.

11. Sebahagian besar daripada pertumbuhan ini adalah didorong oleh kekuatan ekonomi Negara-negara Pasaran Baharu Muncul (*emerging market*) dan ekonomi Negara-negara Membangun walaupun pertumbuhan ekonomi Negara-negara Maju dijangka mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan.

12. Secara keseluruhannya, ekonomi Negara-negara Maju diramalkan berkembang daripada kadar 1.6 peratus pada tahun 2016 kepada kadar 1.8 peratus pada tahun 2017. Manakala, ekonomi Negara-negara Membangun pula diunjurkan mencatatkan kadar pertumbuhan yang positif sebanyak 4.2 peratus pada tahun 2016 kepada 4.6 peratus pada tahun 2017.

13. Ekonomi Amerika Syarikat yang banyak mempengaruhi ekonomi global diramal akan berkembang daripada kadar 1.6 peratus pada tahun 2016 kepada 2.2 peratus pada tahun 2017.

Manakala, pertumbuhan ekonomi Negara Jepun diramal kekal sederhana daripada kadar 0.5 peratus pada tahun 2016 kepada kadar 0.6 peratus pada tahun 2017.

14. Ekonomi Negara Kesatuan Eropah (EU) pula dijangka menyaksikan penurunan dalam pertumbuhan ekonomi, iaitu daripada kadar 1.7 peratus pada tahun 2016 kepada 1.5 peratus pada tahun 2017.

15. Pertumbuhan ekonomi China diramal kekal sederhana, iaitu mencecah kadar 6.6 peratus pada tahun 2016 dan 6.2 peratus pada tahun 2017. Sementara itu, pertumbuhan ekonomi India diramal memberangsangkan pada kadar 7.6 peratus untuk tahun 2016 dan 2017.

16. Ekonomi negara ASEAN-5 (Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam) pula diramal berkembang daripada 4.8 peratus pada tahun 2016 kepada 5.1 peratus pada tahun 2017.

## **EKONOMI NEGARA**

Tuan Speaker,

17. Ekonomi Malaysia mengalami pertumbuhan sebanyak 4.1 peratus pada separuh tahun pertama 2016, didorong oleh

permintaan domestik yang kukuh terutama dari sektor swasta. Secara keseluruhannya, untuk tahun 2016 **ekonomi negara** dijangkakan berkembang di antara 4 hingga 4.5 peratus dan meningkat kepada **4 hingga 5 peratus pada tahun 2017.**

18. Unjuran pertumbuhan ini adalah berdasarkan kepada asas ekonomi negara dan permintaan domestik yang kukuh serta strategi yang akan dilaksanakan dalam Bajet 2017. Negara juga dijangka akan kekal menikmati tahap guna tenaga penuh dengan kadar inflasi yang terkawal pada tahun 2017.

19. Defisit fiskal negara dijangka mengecil dari 3.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2016 kepada 3 peratus pada tahun 2017. Dengan ini, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita diramal akan bertumbuh sebanyak 5 peratus kepada RM39,699 berbanding RM37,812 pada tahun 2016.

## **EKONOMI SABAH**

Tuan Speaker,

20. Dalam konteks perkembangan ekonomi Negeri Sabah, momentum pertumbuhan ekonomi dijangka stabil pada tahun hadapan berikutan pertumbuhan ekonomi global yang sederhana. Kemampanan pertumbuhan ekonomi ini dijangka akan didorong oleh



kerancangan aktiviti-aktiviti dalam sektor eksport, pelaburan domestik, perbelanjaan awam dan sektor pelancongan.

21. Dalam tempoh **enam bulan pertama tahun ini**, Negeri Sabah telah mencatatkan **imbangan perdagangan** yang positif iaitu sebanyak **RM4.9 bilion**. Manakala **jumlah pelaburan terkumpul** yang telah berjaya direalisasikan **di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC)** telah meningkat dan **mencecah RM57 bilion** berbanding RM53.8 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2015.

22. Pelaburan dalam sektor swasta pula, dijangka akan meningkat dengan pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi seperti projek **Aeropod, Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), Grand Merdeka Mall, Maya@Likas, PacifiCity, Sutera Avenue, Harbour City, Jesselton Quay (termasuk *International Cruise Terminal*), Kota Kinabalu City Waterfront, Jesselton Residences, Hotel Hilton, Holiday Inn, Hotel Mercure dan Hotel Marriot.**

23. Perangkaan menunjukkan **setakat 30 Jun 2016, jumlah pinjaman komersial** yang telah diluluskan kepada Sektor Perdagangan Borong dan Runcit serta Sektor Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman telah mencecah sebanyak **RM5.1 bilion**. Dalam masa yang sama **jumlah pinjaman komersial** yang telah diluluskan kepada sektor Kewangan, Insuran,

Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan juga telah menunjukkan peningkatan sebanyak 18 peratus dan mencecah nilai **RM3.9 bilion**.

24. Berdasarkan senario dan persekitaran ekonomi semasa, dengan sokongan padu yang berterusan daripada Kerajaan Persekutuan dan ramalan prospek ekonomi global yang lebih cerah serta jangkaan pemulihan harga-harga komoditi pada tahun hadapan di samping keteguhan sektor pelancongan, maka **ekonomi Negeri Sabah** diramal akan bertumbuh pada kadar **4 peratus hingga 4.5 peratus pada tahun 2017**.

## **MATLAMAT DAN STRATEGI BAJET 2017**

Tuan Speaker,

25. Kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat secara berterusan serta kemakmuran dan kemajuan negeri sentiasa menjadi tunjang perjuangan kita. Justeru, Kerajaan Negeri akan terus memastikan pengagihan sumber kekayaan negeri ini dapat disalurkan dan dinikmati secara inklusif oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira kedudukan dan latarbelakang mereka.

26. Sekali lagi saya ingin menekankan bahawa, barisan kepimpinan negeri akan terus melipatgandakan usaha dan menggembleng tenaga untuk membangunkan negeri ini demi

mencapai kesejahteraan dan kemakmuran yang berterusan. Oleh itu, dalam Bajet 2017 ini, kita akan mengekalkan fokus dan strategi bajet dengan matlamat utama untuk memberikan manfaat semaksimum mungkin kepada rakyat di negeri ini.

## **Tema Bajet 2017**

Tuan Speaker,

27. Dalam merangka bajet ini, Kerajaan Negeri menggunakan pendekatan dengan menjiwai, mendalami dan menghayati hasrat dan harapan rakyat.

28. Justeru, bajet ini dirangka bukan sahaja untuk memenuhi keperluan generasi masa kini tetapi juga untuk kepentingan generasi akan datang. Semua ini kita lakukan untuk mencapai kemakmuran, keharmonian dan kegemilangan negeri yang tercinta ini.

29. Sungguhpun pertumbuhan ekonomi global agak perlahan, namun asas-asas ekonomi Negeri Sabah masih stabil dan kukuh. Sememangnya tahun 2016 adalah mencabar bagi kita berikutan kejatuhan harga petroleum dunia. Pun begitu, oleh kerana pengeluaran petroleum telah dapat dipertingkatkan, maka kita masih menerima hasil daripada sumber ini di tahap yang munasabah, Alhamdulillah!

30. Untuk tahun 2017, Kerajaan akan terus menyalurkan peruntukan dan melaksanakan perbelanjaan secara berhemah demi memenuhi keperluan pembangunan tanpa menjejaskan sistem penyampaian untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

31. Mengambil kira apa yang dinyatakan sebentar tadi, kita memilih **“RAKYAT DIJIWAI, KEMAKMURAN DINIKMATI”** sebagai Tema Bajet Negeri bagi tahun 2017. Tema ini menekankan keperluan untuk mendekati dan menjiwai lubuk hati serta keinginan rakyat agar kemakmuran yang didambakan dapat dinikmati dan dihargai oleh semua lapisan rakyat.

Utusan datang membawa hikayat

Hikayat dari wilayah timur

Bajet dibentang kerana rakyat

Moga negeri bertambah makmur

### **Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Bajet Negeri 2017**

Tuan Speaker,

32. Mengambil kira persekitaran ekonomi global seperti yang saya jelaskan sebentar tadi, maka Kerajaan Negeri menganggarkan kutipan **hasil tahun 2017** adalah sebanyak **RM3,817.56 juta**. Justeru, saya mohon mencadangkan **perbelanjaan 2017** sebanyak **RM3,784.73 juta**. Ini akan memberikan **lebih atau surplus** sebanyak **RM32.83 juta**. Sukacita saya tekankan bahawa sekali lagi

pada tahun ini Kepimpinan Negeri berjaya merangka bajet lebihan (atau *surplus budget*).

## **ANGGARAN HASIL 2017**

Tuan Speaker,

33. Kutipan hasil bagi tahun 2017 dianggarkan berjumlah **RM3,817.56 juta** iaitu meningkat sebanyak 8.44 peratus berbanding anggaran hasil tahun 2016 yang berjumlah RM3,520.29 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM1,127.71 juta** atau **29.54 peratus** adalah **Hasil Cukai**; **RM2,263.62 juta** atau **59.29 peratus** adalah **Hasil Bukan Cukai**; dan **RM426.23 juta** atau **11.16 peratus** adalah **Terimaan Bukan Hasil**.

34. Seperti tahun-tahun sebelum ini, **royalti petroleum kekal menjadi penyumbang utama hasil negeri**. Akan tetapi, tempias kejatuhan harga pasaran petroleum dunia memberi impak negatif kepada hasil kerajaan daripada royalti petroleum bagi tahun 2016. Senario ini telah menyebabkan kutipan hasil royalti menurun **kepada RM787.8 juta** berbanding sasaran asal sebanyak **RM900 juta** iaitu **penurunan sebanyak RM112.2 juta** atau sekitar **12.5 peratus**.

35. Alhamdulillah, pada tahun 2017 dijangkakan hasil royalti petroleum daripada PETRONAS akan **meningkat sebanyak 25 peratus** berbanding bayaran royalti pada tahun 2016. Kutipan hasil

daripada **bayaran royalti petroleum bagi tahun 2017** dianggarkan sebanyak **RM985 juta** mengambilkira faktor harga dan pengeluaran petroleum.

36. Kutipan hasil **Cukai Jualan minyak kelapa sawit (CPO)** kekal sebagai penyumbang kedua tertinggi hasil negeri. Alhamdulillah, harga CPO semasa telah menunjukkan peningkatan dengan harga purata RM2,500 setiap tan metrik berbanding RM2,200 setiap tan metrik bagi tahun lepas. Oleh itu, bagi tahun 2017, kita menganggarkan **kutipan hasil cukai jualan CPO** adalah sebanyak **RM936 juta** atau 24.5 peratus daripada jumlah keseluruhan Anggaran Hasil Negeri Sabah pada tahun 2017.

37. Sementara itu, **hasil bagi Cukai Jualan Negeri ke atas tiket loteri**, dijangkakan kekal bagi tahun 2017 iaitu sebanyak RM70 juta. Manakala hasil **Cukai Jualan bagi Mesin Slot** pula dijangka meningkat kepada **RM12.5 juta** pada tahun 2017 berbanding RM11.5 juta bagi tahun 2016.

38. Dalam pada itu, bagi Kategori Terimaan Bukan Hasil, **Terimaan dan Sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2017** dijangka meningkat kepada **RM426.1 juta** iaitu peningkatan sebanyak RM6.1 juta berbanding dengan anggaran asal tahun 2016. Sementara itu, hasil daripada **Faedah dan Perolehan dari Pelaburan** dianggarkan berjumlah **RM325.5 juta** berbanding RM302.5 juta bagi anggaran asal tahun 2016.

Tuan Speaker,

39. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada beberapa jabatan pemungut hasil yang telah berjaya mengutip hasil dengan cemerlang pada tahun 2016 dan terus berkeyakinan untuk meningkatkan kutipan hasil pada tahun-tahun akan datang.

40. Justeru, saya menyeru agar agensi-agensi pemungut hasil untuk menggembeleng tenaga dalam meningkatkan hasil negeri sedaya upaya termasuklah mengutip hasil-hasil tertunggak. Kerajaan Negeri yakin sasaran hasil yang ditetapkan bagi tahun 2017 boleh dicapai dengan adanya sokongan dan kerjasama padu daripada semua pihak.

## **ANGGARAN PERBELANJAAN PERBEKALAN**

Tuan Speaker,

41. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran namun Kerajaan kekal komited dalam memastikan kesejahteraan dan kepentingan rakyat tercinta tetap terjaga dan terpelihara. Justeru, kita akan terus berusaha melaksanakan langkah-langkah perbelanjaan secara efektif dan produktif untuk menampung keperluan perbelanjaan negeri ini.

42. Untuk itu, kerajaan memperuntukkan sebanyak **RM3,784.73 juta** bagi **Perbelanjaan Perbekalan** tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak RM294.34 juta atau 8.43 peratus berbanding dengan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 2016 sebanyak **RM3,490.39 juta**. Daripada jumlah tersebut saya mencadangkan agihan peruntukan sebanyak **RM721.23 juta** untuk Emolumen, **RM1,244.54 juta** bagi Perbelanjaan Berulang dan **RM1,818.96 juta** diperuntukkan bagi Perbelanjaan Khas.

## **ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**

Tuan Speaker,

43. Bagi **Perbelanjaan Pembangunan** pula, saya mencadangkan sebanyak **RM1,188.52 juta** diperuntukkan pada tahun 2017. Jumlah ini merangkumi **peruntukan Negeri sebanyak RM828.48 juta** dan **peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM360 juta**. Komponen peruntukan negeri ini melibatkan peningkatan sebanyak **RM129.4 juta atau 18.5 peratus** berbanding dengan anggaran asal bagi tahun 2016 iaitu sebanyak RM698.99 juta.

44. Manakala komponen **peruntukan Kerajaan Persekutuan** pula terdiri daripada **Peruntukan Imbuh Balik Persekutuan** sebanyak **RM50.48 juta** dan **Pinjaman Persekutuan** sebanyak **RM309.56 juta**.



45. Seperti juga dengan bajet tahun-tahun lepas, Kerajaan Negeri kekal memfokuskan agihan peruntukan untuk pembangunan sektor ekonomi. Pengagihan perbelanjaan pembangunan mengikut sektor pada tahun 2017 ialah:-

- (a) **RM457.88 juta** atau **55.3 peratus** untuk ekonomi;
- (b) **RM313.46 juta** atau **37.8 peratus** untuk sosial; dan
- (c) **RM57.14 juta** atau **6.9 peratus** untuk pentadbiran am

### **AGIHAN PERUNTUKAN 2017: MENGIKUT KEMENTERIAN**

Tuan Speaker,

46. Sepertimana yang saya sebutkan awal-awal tadi, kesejahteraan dan kebajikan rakyat kekal menjadi tumpuan utama dalam Bajet 2017. Kerajaan Negeri akan terus memperkukuhkan pembangunan infrastruktur-infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas iaitu penyediaan dan naik taraf sistem jaringan jalan raya, bekalan air terawat dan pembangunan ameniti-ameniti sosial di kawasan bandar dan luar bandar secara inklusif.

47. Kerajaan Negeri juga sentiasa komited mempergiatkan pembangunan sektor-sektor pertanian, pelancongan dan pembuatan yang produktif dan mempunyai nilai tambah bagi menjana ekonomi dan hasil negeri.

48. Untuk tujuan itu, bagi memastikan peranan, tanggungjawab dan sistem penyampaian agensi pelaksana kerajaan berjalan dengan lancar, agihan Peruntukan Perbelanjaan Perbekalan dan Perbelanjaan Pembangunan 2017 bagi setiap kementerian adalah seperti yang berikut:-

	Kementerian	Agihan Perbelanjaan (RM Juta)	
		Perbekalan	Pembangunan
1.	Kementerian Kewangan	1,527.41 (Perbekalan)	10.00 (Pembangunan)
2.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	676.97 (Perbekalan)	254.02 (Pembangunan)
3.	Jabatan Ketua Menteri	467.11 (Perbekalan)	189.25 (Pembangunan)
4.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	292.2 (Perbekalan)	122.31 (Pembangunan)
5.	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	138.40 (Perbekalan)	6.32 (Pembangunan)
6.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	111.98 (Perbekalan)	22.27 (Pembangunan)
7.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	83.05 (Perbekalan)	17.2 (Pembangunan)
8.	Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat	87.41 (Perbekalan)	4.15 (Pembangunan)

	Kementerian	Agihan Perbelanjaan (RM Juta)	
		Perbekalan	Pembangunan
9.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	71.19 (Perbekalan)	173.22 (Pembangunan)
10.	Kementerian Belia dan Sukan	65.95 (Perbekalan)	15.35 (Pembangunan)
11.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	15.24 (Perbekalan)	14.39 (Pembangunan)
12.	Perbelanjaan yang tidak termasuk dalam Kementerian-kementerian	27.69 (Perbekalan)	-
13.	Perbelanjaan Tanggungan	210.13 (Perbekalan)	-
	Jumlah	3,784.73 (Perbekalan)	828.48 (Pembangunan)

## **PEMBANGUNAN SEKTORAL**

### **PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM**

Tuan Speaker,

49. Di bawah Bajet Negeri tahun 2017, penyediaan kemudahan infrastruktur asas, jalan-jalanraya dan pengurusan kesesakan trafik

akan diberi perhatian khusus. Ini adalah bagi menyediakan  
keselesaian perhubungan di kalangan rakyat serta bagi menyokong  
kerancangan pembangunan dalam sektor-sektor halatuju utama  
negeri iaitu sektor pertanian, pelancongan, perindustrian serta  
kawasan bandar dan luar bandar.

50. Secara keseluruhannya sebanyak **RM1,258.61 juta** akan  
diperuntukkan dalam bajet 2017 untuk menyokong pembangunan  
serta **naiktaraf kemudahan dan infrastruktur asas** di seluruh  
negeri pada tahun hadapan.

51. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM292.43 juta** akan  
diperuntukkan untuk membiayai pelaksanaan projek-projek  
sambungan, penyelenggaraan jalan-jalan raya, cerun-cerun,  
jambatan-jambatan dan kerja-kerja awam.

52. Bagi meneruskan **penyediaan bekalan air terawat** dan  
menangani masalah kekurangan bekalan air, Kerajaan Negeri akan  
meneruskan program bekalan air terawat jangka pendek dan jangka  
panjang di seluruh negeri. Bagi maksud ini sebanyak **RM572.87 juta**  
diperuntukkan tahun hadapan.

53. Manakala bagi meningkatkan kualiti dan meneruskan usaha  
menyediakan **kemudahan infrastruktur asas dan ameniti sosial**  
serta bagi memacu aktiviti ekonomi **di kawasan-kawasan luar bandar**,  
maka sebanyak **RM200 juta** akan diperuntukkan pada tahun 2017.

## PEMBANGUNAN PERTANIAN

Tuan Speaker,

54. Secara keseluruhannya, di bawah Bajet 2017, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **RM466.88 juta** bagi menyokong dan mempergiatkan **pembangunan sektor pertanian** yang merupakan salah satu sektor halatuju dan penjana utama ekonomi negeri.

### Sub-sektor Tanaman

55. Bagi memantapkan lagi sub-sektor tanaman, Kerajaan akan memfokuskan kepada pembangunan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan dengan menumpukan kepada pelaksanaan **Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)**. Dalam tahun 2017, sebuah TKPM diluluskan di Stesyen Pertanian Sedul, Ranau dengan keluasan 40 hektar khusus untuk pembangunan tanaman Durian Musang King.

56. Setakat kini, sebanyak dua buah TKPM telah dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan April 2017 iaitu **TKPM Pusat Latihan Bersepadu (IATC) Putatan** dan **TKPM Masilou Kundasang**. Kerajaan juga sedang mengenalpasti lokasi TKPM baru untuk dibangunkan di bahagian Pedalaman iaitu di daerah Sook, Keningau.

57. Menyedari bahawa tanaman padi adalah merupakan tanaman strategik, maka kawasan penanaman padi seluas 33.53 ribu hektar dengan purata pengeluaran hasil padi sebanyak 4.2 tan per hektar

akan dikekalkan. Usaha ini dapat dicapai melalui pemberian bantuan pembajakan sawah padi dan penggunaan pelbagai benih padi bermutu.

58. Setakat ini sebanyak tiga buah loji pengeluaran benih padi bermutu tinggi telah didirikan di bawah kendalian kerajaan. Loji-loji ini terletak di daerah Kota Belud, Kimanis dan Tenom serta mampu membekalkan benih padi sebanyak 30 peratus kepada para petani di seluruh Negeri Sabah.

59. Bagi menyokong **pembangunan kawasan jelapang padi** di negeri Sabah, Kerajaan akan melaksanakan program pembangunan dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran bernilai **RM8.05 juta** di daerah Kota Belud, Tambunan, Beluran dan Kota Marudu yang aktif dengan aktiviti penanaman padi.

60. Pada tahun 2017 juga, aktiviti berkaitan dengan penyelidikan di bawah Jabatan Pertanian akan terus menumpukan kepada **pembangunan tanaman makanan bernilai komersial** dan mempunyai permintaan tinggi dari dalam dan luar negeri seperti **Kelapa MATAG, Kelapa Tacunan, Nanas MD2, Pisang Sabah dan Durian.**

61. Oleh yang demikian, sebanyak **RM141.92 juta** diperuntukkan dalam bajet 2017 bagi mempertingkatkan aktiviti berkaitan sub-sektor tanaman makanan ini.

## Sub-sektor Perikanan

Tuan Speaker,

62. Perangkaan tahun 2015 menunjukkan hasil pengeluaran perikanan tangkapan marin mencecah 175 ribu tan metrik yang membawa nilai sebanyak RM902 juta manakala hasil pengeluaran akuakultur mencapai 281.8 ribu tan metrik dengan nilai RM412.5 juta.

63. Prestasi pengeluaran dan hasil akuakultur menunjukkan peningkatan yang ketara berikutan pelaksanaan projek-projek di bawah *National Key Economic Areas* (NKEA) seperti **EPP-Udang laut, EPP-Ikan Sangkar dan EPP-Rumpai** yang sedang giat dibangunkan. Bermula dari tahun 2015 terdapat beberapa buah syarikat yang telah dibangunkan sekaligus memberikan sumbangan yang besar kepada peningkatan pengeluaran hasil perikanan akuakultur di Sabah.

64. Di bawah bajet 2017, sebanyak **RM10.38 juta diperuntukkan kepada sub-sektor perikanan** bagi meningkatkan pengeluaran ikan dan hasil perikanan untuk mencapai sasaran 423.3 ribu tan metrik setahun. Penyediaan peruntukan ini juga adalah untuk membantu memperhebatkan pengeluaran akuakultur rumpai laut dan ikan hiasan, menguruskan sumber perikanan dengan lebih inovatif dan efektif serta meningkatkan penggunaan dan aplikasi teknologi baharu dalam sektor perikanan.

## Sub-sektor Ternakan

Tuan Speaker,

65. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri akan terus menyuntik dana bagi memperkukuhkan institusi perkhidmatan veterinar Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak. Ini adalah bagi membolehkan sub-sektor ternakan kekal mampan, berdaya saing dan mampu meningkatkan pengeluaran makanan berasaskan ternakan. Di samping itu, usaha ini juga diharap dapat mengurangkan bil import makanan dan memperkasakan industri ternakan agar dapat menembusi dan bersaing di pasaran antarabangsa.

66. Untuk tujuan itu, sekitar **RM4.1 juta** akan disediakan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kuarantin, pengembangan, "*mobile veterinary clinic*", pusat-pusat penyembelihan, perkhidmatan klinikal dan diagnostik serta program kepastian kualiti. Sebuah makmal diagnosis veterinar juga akan dibangunkan pada tahun 2017.

67. Dengan wujudnya dua perundangan baharu iaitu **Enakmen Haiwan 2015** dan **Enakmen Kebajikan Haiwan 2015**, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak akan diperuntukkan sebanyak **RM500,000** pada tahun 2017 untuk memartabatkan penguatkuasaan bagi memastikan status kesihatan ternakan dan manusia terhindar daripada penyakit berjangkit dan zoonotik.



68. Kerajaan berbangga dengan pencapaian sebahagian pengusaha ternakan yang mengeluarkan hasil seperti susu segar, daging ayam dan telur yang telah berjaya mengeksport dan menembusi pasaran di luar negeri. Pada tahun ini, produk susu segar telah berupaya menembusi pasaran komersial yang lebih luas ke Semenanjung Malaysia dalam bentuk *'bulk milk sales'*.

69. Justeru Kerajaan bercadang untuk menggalakkan penjualan susu segar kepada para pengusaha komersial secara terus dan terbuka bermula pada tahun 2017, tanpa melibatkan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak. Liberalisasi seperti ini akan memperkukuhkan industri pengeluaran susu segar kepada tahap yang lebih efektif dalam jangka masa panjang kerana sub-sektor ini mempunyai *'comparative advantage'* dan berupaya menjana ekonomi negeri.

70. Kerajaan Negeri juga akan terus memberi tumpuan kepada pengeluaran input-input makanan untuk ternakan ruminan, selaras dengan sasaran Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pengeluaran hasil ruminan melalui *'dual purpose animals'* yang memerlukan bekalan makanan ternakan yang cukup besar. Untuk itu, Kerajaan akan memberi peruntukan sekitar **RM1.6 juta** bagi membiayai aktiviti pengeluaran baja makanan, pengeluaran dan penyelidikan kekacang, silaj dan lain-lain untuk kegunaan pemakanan ternakan.

71. Kerajaan juga akan membangunkan satu '*nucleus herd*' kerbau dengan peruntukan awalan sebanyak **RM300,000** pada tahun hadapan. Selain daripada itu, kerajaan juga akan memperkenalkan penternakan kambing tenusu pada tahun hadapan bagi menjana '*disposable income*' melalui penjualan susu di samping mengeluarkan daging kambing dalam jangka masa panjang.

## **PEMBANGUNAN INDUSTRI DAN PEMBUATAN**

Tuan Speaker,

72. Dalam tempoh pelaksanaan RMK10, iaitu dari tahun 2011 hingga 2015, jumlah pelaburan dalam sektor pembuatan secara purata dianggarkan bernilai RM2.8 bilion setahun. Setakat **Januari hingga Mac 2016**, jumlah pelaburan dalam sektor pembuatan telah **menerima pelaburan sekitar RM1.7 billion** dan dari jumlah tersebut sebanyak **RM440 juta adalah merupakan pelaburan langsung asing.**

73. Manakala, secara purata sebanyak 2,223 peluang pekerjaan setahun telah berjaya disediakan dalam tempoh masa yang sama. Dalam tempoh masa **Januari hingga Mac 2016** pula, sektor pembuatan dilaporkan telah berjaya menyediakan sebanyak **3,907 peluang pekerjaan.**

74. Dilihat daripada aspek dagangan luaran, berdasarkan perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor pembuatan di Sabah telah merekodkan sejumlah **RM3,172.14 juta nilai purata eksport tahunan untuk tempoh 5 tahun** berturut-turut sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-10. Perangkaan di antara **Januari hingga Mac 2016** pula menunjukkan sektor pembuatan telah mencatatkan jumlah **pencapaian eksport** yang lebih tinggi iaitu bernilai **RM598.6 juta**.

75. Ini adalah berkat daripada hasil dan inisiatif Kerajaan yang berusaha secara berterusan dalam membangunkan infrastruktur dan prasarana untuk para pelabur di taman-taman perindustrian.

76. Antara taman-taman perindustrian yang menjadi zon pertumbuhan ekonomi ialah Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP), POIC Lahad Datu, POIC Sandakan dan yang terbaru Sipitang Oil And Gas Industrial Park (SOGIP) di Sipitang. Tidak dinafikan Taman-taman Perindustrian ini telah mencatatkan pencapaian yang boleh dibanggakan di penghujung tempoh RMK10.

77. Setakat Disember 2015, jumlah kilang yang telah dibangunkan di **KKIP** adalah sebanyak 248 buah dengan **nilai pelaburan sebanyak RM2.7 billion**. Dengan pencapaian ini, sebanyak **8,554 peluang pekerjaan** telah disediakan.

78. **POIC Lahad Datu** pula telah merekodkan sejumlah 44 buah projek perkilangan dengan **nilai pelaburan sebanyak RM3.35 billion** serta menyediakan **2,293 peluang pekerjaan**. Manakala, **POIC Sandakan** telah melaksanakan tiga buah projek dengan jumlah **pelaburan bernilai RM158 juta** dan berupaya menyediakan sebanyak **160 peluang pekerjaan**.

79. **Sipitang Oil and Gas Industrial Park (SOGIP)**, adalah merupakan satu ikon baharu dalam industri perkilangan di Sabah khususnya industri berasaskan minyak dan gas. Walaupun setakat ini hanya terdapat satu projek di SOGIP, iaitu **Projek SAMUR**, namun **nilai pelaburannya** adalah sangat besar iaitu mencecah **RM4.5 billion** dan dijangka berupaya menyediakan sebanyak **4,800 peluang pekerjaan**.

80. Bagi membangunkan sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana, Kerajaan akan terus memberikan fokus kepada pembangunan kapasiti produk dan pengeluaran. Pada masa yang sama Kerajaan juga sedang **membangunkan SSO (“Shared Services and Outsourcing Center”)** bagi membantu dan membolehkan pengusaha-pengusaha kita mengedar dan memasarkan hasil-hasil ke pasaran domestik misalnya ke pasaraya-pasaraya dan juga *hyper market* dan mengeksport ke luar negara.

81. Menyedari akan kepentingan dan potensi pembangunan sektor pembuatan di Sabah ini, maka sebanyak **RM78.30 juta** diperuntukkan dalam bajet 2017 bagi memacu **pembangunan sektor industri dan pembuatan.**

## **PEMBANGUNAN PELANCONGAN**

Tuan Speaker,

82. Untuk memastikan sektor pelancongan negeri terus berkembang dan relevan serta bagi memastikan sumber alam sekitar dan warisan budaya terpelihara dan dipulihara, maka pada tahun 2017 Kerajaan akan terus mempertingkatkan program-program pelancongan, kebudayaan dan alam sekitar.

83. Usaha akan terus dipertingkatkan untuk mengenalpasti sasaran pasaran utama, merancang dan mengatur strategi-strategi pemasaran bagi jangka pendek dan jangka panjang untuk menarik lebih ramai pelancong ke Sabah. Untuk itu, sebanyak **RM230.99 juta** akan diperuntukkan pada tahun hadapan bagi membantu **memacu pembangunan industri pelancongan.**

84. Kerajaan akan mempergiatkan momentum pembangunan pelancongan, khususnya dari segi promosi dan pemasaran serta penyediaan produk-produk pelancongan baharu yang berkualiti tinggi, berdaya saing disamping meningkatkan kualiti produk-produk sedia ada.

85. Bagi tempoh **lima bulan pertama tahun 2016**, prestasi industri pelancongan kekal cergas, di mana kita telah menerima **seramai 1,337,126 orang pelawat** iaitu peningkatan sebanyak 3.2 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2015 (1,295,484 orang).

86. Daripada jumlah tersebut, seramai **882,109 orang adalah pelawat domestik** manakala **455,017 orang adalah pelawat antarabangsa**. Sebahagian besar daripada pelancong ini adalah daripada Negara China (termasuk Hong Kong), Korea Selatan dan Brunei Darussalam.

87. Kemasukan pelancong ini, dianggarkan menyumbang sebanyak **RM2.852 bilion dari segi resit pelancongan** iaitu peningkatan sebanyak 5.3 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2015 (RM2.709 bilion).

88. Kerajaan juga akan terus meningkatkan jaringan udara negeri ini sama ada melalui penerbangan terus berjadual mahupun penerbangan sewa khas. Ini adalah kerana lebih daripada 90 peratus jumlah ketibaan pelawat adalah melalui pengangkutan udara.

89. Alhamdulillah, **pada 19 Mei 2016** Kerajaan telah berjaya **mewartakan Taman Tun Mustapaha** dan ia dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017. Taman seluas 898.76 ribu hektar (lebih kurang 2.2 juta ekar) yang terletak di utara Pulau Borneo ini merupakan yang terbesar di Malaysia dan antara yang terbesar di rantau Asia.

90. Ini adalah antara inisiatif berterusan Kerajaan dalam usaha mempertingkatkan perlindungan khazanah semulajadi negeri serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, flora dan fauna. Kita sedar ini semua adalah untuk manfaat kini dan generasi akan datang serta merupakan aset bernilai sektor pelancongan di negeri ini. Di bawah inisiatif ini, Kerajaan sekaligus telah mengisytiharkan semua enam kawasan Taman Marin di Sabah sebagai santuari ikan yu.

91. Sejalan dengan komitmen Kerajaan untuk melindungi dan memelihara hidupan liar serta tidak diancam kepupusan, Kerajaan akan mempertingkatkan usaha bagi memastikan spesis-spesis berkenaan kekal di habitat semulajadi dan terkawal melalui langkah-langkah penambahbaikan Enakmen dan Dasar.

92. Bagi menjamin pembangunan yang mampan, Kerajaan akan sentiasa memastikan setiap aktiviti pembangunan Negeri ini dilaksanakan dengan mengambil kira aspek perlindungan alam sekitar dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan. Untuk itu Kerajaan kini dalam proses memuktamadkan Dasar dan Pelan Induk Alam Sekitar.

93. Warisan budaya merupakan citra dan identiti keperibadian sesebuah negara. Kepelbagaian khazanah pusaka warisan kebudayaan dan kesenian negeri ini merupakan salah satu lagi aset pelancongan yang menjadi tarikan utama pelancong.

94. Kerajaan melalui Jabatan Muzium Sabah dan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah akan terus melaksanakan pelbagai program kebudayaan untuk membangun dan memartabatkan seni budaya sebagai produk pelancongan. Oleh itu, Kerajaan akan **membina Muzium Tun Mustapha** bermula tahun hadapan dengan **kos projek sebanyak RM7 juta**.

## **MEMPERKASA KESEJAHTERAAN HIDUP RAKYAT**

### **Pembasmian Kemiskinan dan Peningkatan Kualiti hidup**

Tuan Speaker,

95. Program-program sosial yang merangkumi aspek pembasmian kemiskinan, kebajikan, kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat sentiasa dekat dalam sanubari kita. Walaupun kita dihambat dengan pelbagai kekangan, namun saban tahun kita tetap memberikan keutamaan dan tumpuan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan rakyat.

96. Justeru di bawah Bajet 2017 ini, kita akan memperuntukkan sebanyak **RM394.39 juta** bagi menyokong **program-program sosial yang menyentuh aspek kebajikan dan kesejahteraan rakyat** yang dikasihi.

97. Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan secara konsisten dengan harapan agar kadar kemiskinan negeri Sabah dapat diturunkan lagi. Perkara ini tidaklah



mustahil kerana insiden kemiskinan negeri ini telah berjaya kita kurangkan daripada 8.1 peratus pada tahun 2012 kepada 4 peratus pada tahun 2014.

98. Sepertimana kita sedia maklum, **Program Transformasi Luar Bandar** khususnya program-program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan di kalangan masyarakat luar bandar sentiasa dekat dijiwa kita. Sayugia itu, ingin saya tekankan bahawa, Kerajaan Negeri sentiasa komited dan gigih berusaha untuk mencapai kadar kemiskinan sifar di Negeri ini. Usaha ini akan kita laksanakan secara berperingkat dan berterusan.

Tuan Speaker,

99. Saya yakin, Program pembasmian kemiskinan sama ada ianya berbentuk projek jangka pendek, jangka sederhana mahupun jangka panjang seperti Program 1 Azam, Mini Estet Sejahtera (MESEJ), Program Peningkatan Ekonomi Setempat (PPES), Program Bantuan Rumah (PBR), Projek-projek Agropolitan dan Ladang PPRT akan terus berupaya mengurangkan lagi insiden kemiskinan di negeri ini.

100. Setakat ini, sebanyak 52 buah MESEJ Pertanian, MESEJ Akuakultur dan MESEJ Mikro yang telah siap dan sedang dilaksanakan di seluruh negeri. MESEJ adalah projek pembasmian kemiskinan berciri holistik di mana golongan sasaran bukan sahaja menikmati kemudahan kediaman tetapi juga berupaya menjana pendapatan

secara mampan. Program ini adalah bukti kesungguhan Kerajaan Negeri dalam membasmi kemiskinan tegar di negeri ini.

101. Semasa program turun padang saya ke seluruh negeri dan lawatan kerja ke daerah-daerah, saya telah melihat sendiri pelaksanaan, kejayaan dan impak positif program-program pembasmian kemiskinan yang kita laksanakan.

102. Umpamanya, program MESEJ Kg. Labang Sapulut Nabawan dengan tanaman kelapa sawit; MESEJ Kg. Montenior Beaufort dengan tanaman getah; dan MESEJ Kg. Perpaduan Ria Kudat dengan program keusahawanan produk batik, coklat, hasilan laut, bakeri dan kek serta penternakan burung walit.

103. Ternyata rakyat yang kita bantu amat bersyukur dengan usaha-usaha yang kita laksanakan untuk merubah keadaan mereka menjadi lebih baik berbanding keadaan sebelumnya dan seterusnya membawa rakyat keluar dari kepompong miskin dan miskin tegar.

104. Oleh itu, pada tahun hadapan Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak **RM14.5 juta** bagi meneruskan pelaksanaan projek-projek MESEJ dan program-program pembasmian kemiskinan di seluruh negeri Sabah. Tujuan Kerajaan Negeri tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memastikan golongan miskin, hidup dengan selesa dan produktif serta menikmati gaya dan kualiti hidup yang lebih sempurna.

105. Untuk menilai pencapaian kemajuan masyarakat luar bandar di Negeri Sabah, ukuran kesejahteraan sosial dari pelbagai dimensi dan sudut adalah penting. Sayugia itu, salah satu inisiatif yang diambil oleh Kerajaan ialah dengan melaksanakan Program Kampung Sejahtera (PKS). Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2014 dengan tumpuan khusus diberikan kepada kampung-kampung yang mundur di kawasan-kawasan luar bandar untuk dibangun dan dimajukan dengan pendekatan yang lebih inklusif.

106. Setakat ini, sejumlah 31 buah kampung telah dilibatkan dalam PKS. Bagi tahun 2017, sebanyak 20 buah kampung lagi dirancang untuk dilibatkan dengan peruntukan sebanyak **RM2.2 juta**. Matlamat akhir PKS ini adalah untuk mentransformasikan kampung-kampung mundur dengan merangkumkan pembangunan 3 aspek utama iaitu pementapan modal insan, kemajuan ekonomi dan peningkatan kualiti hidup.

107. Peningkatan pendapatan golongan sasar di luar bandar juga menjadi agenda kita. Salah satu pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah dengan melibatkan mereka dalam aktiviti keusahawanan. Kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah telah dan akan melaksanakan Program Pembangunan Usahawan Desa, Program Satu Daerah Satu Produk, Program Promosi dan Jualan serta Latihan Keusahawanan secara berterusan. Program-program Inap Desa (Home stay) juga akan kita galakkan di kampung-kampung berkenaan.

108. Oleh itu, untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan di kalangan masyarakat luar bandar sebanyak **RM1.5 juta** diperuntukkan pada tahun 2017.

## **Pembangunan Sosial dan Kebajikan**

Tuan Speaker,

Confucious pernah berkata...

*If your plan is for **1 year**, plant rice  
If your plan is for **10 years**, plant trees  
If your plan is for **100 years**, **educate children...***

109. Justeru, untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berintelektual, berpengetahuan dan minat membaca, Kerajaan melalui Perpustakaan Negeri Sabah telah menggariskan beberapa strategi yang perlu dilaksanakan untuk memperkasa dan memperluaskan pelaksanaan program dan kempen membaca dengan:-

- Pertama: Menyediakan perkhidmatan perpustakaan inklusif;
- Kedua: Memperkukuh perkongsian pintar sedia ada dengan Agensi Kerajaan dan NGOs;
- Ketiga: Mempergiat kemudahan Perpustakaan Bergerak;
- Keempat: Membangunkan koleksi perpustakaan yang komprehensif; dan
- Kelima: Menyediakan kemudahan ICT yang lengkap di seluruh rangkaian perpustakaan.

110. Pembinaan Perpustakaan Tanjung Aru yang dijangka mula beroperasi tahun depan adalah sebuah projek di bawah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan merupakan manifestasi perkongsian pintar di antara pihak Kerajaan dan swasta. Perpustakaan ini menjadi satu ikon unggul di Sabah, kerana bukan sahaja sumber dana pembinaannya dibiayai oleh pihak swasta tetapi juga kerana konsep dan senibinanya yang menggunakan teknologi hijau dan mesra rakyat.

111. Bagi maksud itu sebanyak **RM36.91 juta** diperuntukan pada tahun 2017 kepada **Perpustakaan Negeri Sabah**.

112. Kerajaan tidak pernah lupa, malahan sentiasa prihatin dengan keperluan kelompok masyarakat kita yang kurang bernasib baik. Selaras dengan itu Kerajaan akan terus menambahbaik sistem penyampaian bantuan kepada golongan sasaran yang terdiri daripada individu-individu atau keluarga yang kurang berkemampuan untuk menampung keperluan hidup lantaran desakan kesihatan, kecacatan dan kematian.

113. Sasaran ini merangkumi kelompok Orang Kurang Upaya (OKU), anak-anak yatim, warga-warga tua dan kanak-kanak yang diambil dari “Program Anak Pelihara” kendalian Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM).

114. Selain daripada itu, Kerajaan juga akan melaksanakan sebuah program yang dikenali sebagai “2 (two) Years Exit Programme (2YEP)” bagi menggalakkan penerima bantuan Kebajikan Am yang produktif untuk berdikari. Di bawah program ini, setiap penerima akan diberi

geran peruntukan sebanyak RM2,700 sebagai modal asas untuk berniaga atau meneruskan perniagaan. Kerajaan berharap agar selepas tempoh dua tahun, para penerima akan mampu berdikari dan terkeluar daripada senarai penerima bantuan kebajikan.

Tuan Speaker,

115. Generasi akan datang adalah aset yang tidak ternilai dalam sesebuah negara bangsa, keperluan dan keselesaan untuk tujuan pembelajaran mereka akan kita utamakan. Justeru, Program Pemberian Bantuan Persekolahan seperti pakaian seragam dengan kualiti yang lebih baik dan alat-alat tulis kepada murid-murid sekolah rendah akan diteruskan.

116. Usaha ini adalah sebahagian daripada inisiatif Kerajaan untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh ibubapa bagi memenuhi tuntutan perbelanjaan persekolahan anak-anak terutamanya golongan isi rumah berpendapatan rendah.

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Tuan Speaker,

Mantan Presiden India, **APJ Abdul Kalam** pernah berkata...

*“The best brains of the nation may be found on the last benches of the classroom...”*

117. Kata-kata ini ada benarnya, kerana pembangunan modal insan adalah kunci kepada kejayaan sesebuah negara bangsa. Ini terbukti telah berlaku pada negara-negara seperti Jerman, Sweden, Jepun, Korea Selatan dan Singapura, di mana pelaburan dalam modal insan merupakan aset yang bernilai dan mampu memberikan nilai tambah dalam sebuah negara. **Majunya sebuah negara kerana majunya pemikiran dan kemahiran modal insannya.**

118. Justeru, bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negeri yang tercinta ini, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang serius dalam aspek pembangunan modal insan. Pelaburan dalam pendidikan, latihan, kemahiran, keusahawanan dan pembelajaran secara berterusan berupaya menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran, berwawasan serta kreatif dan inovatif. Modal insan yang beginilah yang kita perlukan bagi membolehkan negeri kita bersaing dan maju ke hadapan.

119. Maka untuk melaksana dan menyokong program-program pembangunan modal insan ini, sebanyak **RM219.84 juta** akan diperuntukkan pada tahun hadapan.

120. Program-program yang akan dilaksanakan di bawah inisiatif ini meliputi keperluan semua lapisan dari peringkat pendidikan sekolah rendah, sekolah menengah, pengajian tinggi, latihan dan vokasional, biasiswa, pembelajaran sepanjang hayat dan kemudahan-kemudahan awam untuk dinikmati oleh semua peringkat masyarakat.

## **PEMBANGUNAN WANITA, BELIA DAN SUKAN**

Tuan Speaker,

121. Kerajaan Negeri komited untuk menerajui pembangunan belia dan sukan di negeri ini ke arah mencapai visi bagi melahirkan belia perkasa dan atlet bertaraf dunia. Aspirasi pemeraksanaan belia dan kecemerlangan sukan ini adalah tanggungjawab semua peringkat dan perlu digagahi bersama.

122. Selaras dengan semangat Strategi Lautan Biru Nasional atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), Kerajaan Negeri melalui Kementerian Belia dan Sukan akan mewarnai pembangunan belia dan sukan melalui keterlibatan dan perkongsian bersama antara pelbagai pihak yang berkaitan.



123. Keterlibatan ini adalah merentasi kepentingan individu, persatuan, kelab dan organisasi. Ianya mengambilkira keperluan perkongsian sumber dan menyatupadukan kekuatan, keupayaan dan kepakaran kumpulan-kumpulan pelaksana yang merangkumkan belia dan atlet; persatuan-persatuan belia dan sukan di semua peringkat; keluarga dan masyarakat; institusi-institusi pendidikan dan penyelidikan; rakan-rakan media serta sektor swasta dan GLC.

124. Usaha memperkasakan belia dan mencemerlangkan sukan ini dilakarkan melalui penggubalan tiga dokumen utama pembangunan belia dan satu dokumen utama "*sports blueprint*" oleh Kementerian Belia dan Sukan iaitu:-

- (i) Indeks Belia Sabah (IBS) 2015;
- (ii) Dasar Pembangunan Belia Negeri Sabah 2016 – 2020;
- (iii) Pelan Strategik Pembangunan Belia Negeri Sabah 2016 - 2020; Dan
- (iv) Pelan Strategik Pembangunan Sukan Negeri Sabah 2016 - 2030.

125. Melalui dokumen-dokumen inilah pelbagai program dirangka dan dilaksanakan bertujuan untuk melibatkan golongan belia dalam aktiviti-aktiviti bermanfaat dan produktif seperti kerja-kerja kemasyarakatan, sukarelawan, sukan dan riadah bagi membolehkan mereka sama-sama menyumbang kepada pembangunan masyarakat serta menanamkan gaya hidup sihat di negeri ini.

Tuan Speaker,

126. Selain daripada mengutamakan kepentingan pembangunan belia dan sukan, peranan dan sumbangan kaum wanita dalam arus pembangunan juga akan diteruskan. Ini adalah bagi menyokong keharmonian sosio-ekonomi dan keseimbangan pembangunan daripada aspek gender.

127. Selaras dengan itu, pada tahun hadapan, satu *Advanced Program* yang akan memberikan pendedahan mengenai persekitaran dan budaya kerja berbeza kepada para peserta WOS (*Women of Substance*) akan dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Wanita.

128. Program ini bertujuan untuk melahirkan bakal-bakal pelapis pemimpin wanita yang mantap, berketrampilan dan berkarisma. Lebih jauh daripada itu, kepimpinan, ketrampilan dan keupayaan wanita ini bukan sahaja akan memberikan manfaat kepada mereka tetapi juga kepada keluarga dan masyarakat amnya.

129. Di samping itu, Kerajaan juga akan terus melaksanakan Program Pembangunan Ibu Tunggal yang bukan sahaja bertujuan menyediakan pelbagai bentuk kemahiran tetapi juga mempersiapkan mereka untuk berdikari, berdaya tahan dan berdaya saing dalam apa jua bidang yang diceburi. Manakala, program-program kesedaran wanita dalam aspek ekonomi, kesihatan, pendidikan, sosial, undang-undang, kepekaan gender serta wanita dan media juga akan diteruskan.

130. Untuk itu sebanyak **RM95.81 juta** akan diperuntukan pada tahun hadapan bagi membantu memperkasakan golongan belia, meningkatkan kecemerlangan sukan dan mengarus-perdanakan pembangunan wanita.

## **PEMBANGUNAN KUASA-KUASA TEMPATAN**

Tuan Speaker,

131. Kerajaan Negeri tidak pernah melupakan peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi membolehkan PBT terus melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, Kerajaan Negeri menyediakan sebanyak **RM83.04 juta** kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah dalam **bajet perbekalan 2017** untuk menyediakan kemudahan, infrastruktur asas dan perkhidmatan di kawasan masing-masing.

132. Di bawah Bajet 2017, Kerajaan Negeri akan terus memberikan sokongan dan bantuan kepada PBT dengan menyediakan peruntukan sebanyak **RM47.19 juta** yang terdiri dari pemberian geran tahunan dan bantuan kewangan negeri. Peruntukan ini akan disalurkan kepada PBT untuk memastikan kelengkapan dan jentera pelaksana di Daerah berjalan dengan lancar serta berfungsi dengan berkesan.

133. Pembangunan fizikal dan infrastruktur di kawasan-kawasan seliaan PBT juga akan terus dilaksanakan pada tahun hadapan. Kerajaan negeri akan memberi tumpuan kepada pembangunan pekan-

pekan baharu di Negeri Sabah serta perumahan kos rendah di kawasan Pedalaman dan Tawau. Untuk itu sebanyak **RM16 juta** akan diperuntukkan dalam Bajet 2017.

134. Kerajaan juga akan memperuntukkan sejumlah **RM6 juta** untuk pembangunan landskap serta pemasangan lampu-lampu jalan di kawasan Menumbok dan Tamparuli, pembinaan gerai-gerai sayur di Kundasang dan pembinaan pejabat baharu Majlis Daerah Ranau.

## **PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)**

Tuan Speaker,

135. Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) semakin rancak dengan terciptanya pelbagai peralatan atau aplikasi ICT yang mampu mendorong rakyat di negeri ini untuk merekacipta aktiviti berasaskan ICT. Peluang dan ruang bagi melaksanakan aktiviti ini bertambah cerah dengan adanya perkhidmatan internet yang berkapasiti tinggi dan semakin baik.

136. Maka, pada tahun hadapan, bagi memberikan peluang kepada generasi celik IT, Kerajaan akan memberikan penekanan terhadap pemerkasaan usahawan tekno melalui pelaksanaan Program Usahawan Pembangunan Media Rekreasi Digital dan Usahawan Pembangun Aplikasi Mobile. Manakala usahawan ICT yang sedia ada pula akan diberikan pemantapan aplikasi teknologi.

137. Di samping itu, Program Pembangunan Aplikasi ICT: CODEFEST Sabah akan turut diperkenalkan. Program ini bertujuan mencetuskan idea kreatif dan inovatif seterusnya meningkatkan kemahiran dan pengetahuan para pembangun aplikasi ICT sama ada melalui web mahupun *mobile* yang dijalankan melalui aktiviti-aktiviti berbentuk bengkel, ceramah, *hands-on event* dan kerja makmal.

138. Pelaksanaan program-program sebegini diharapkan mampu menambah jumlah pembangun aplikasi ICT yang berkemahiran tinggi dan kompeten. Ia juga merupakan satu peluang dan platform bagi bakat tempatan membangunkan kemahiran kreatif dan inovatif mereka. Oleh itu, untuk **melaksanakan program-program pembangunan ICT** ini sebanyak **RM83.74 juta** diperuntukkan dalam Bajet 2017.

## **PENCAPAIAN AGENSI AWAM**

Tuan Speaker,

139. Kerajaan Negeri terus memberi perhatian kepada pencapaian badan berkanun dan syarikat Kerajaan Negeri kerana agensi-agensi ini memainkan peranan dan tanggungjawab dalam pelaksanaan agenda pembangunan negeri. Kerajaan Negeri juga terus mengambil inisiatif untuk memastikan badan berkanun dan syarikat Kerajaan Negeri sentiasa relevan, berdaya maju dan mempunyai hala tuju yang berwawasan dalam membantu melaksanakan dasar Kerajaan.

140. Setakat Oktober 2016, dividen bersih dan rebat cukai yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak **RM213.324 juta**. Antara badan berkanun dan syarikat Kerajaan Negeri yang telah membayar dividen pada tahun 2016 ialah:-

- (1) Perbadanan Pinjaman Sabah;
- (2) Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd;
- (3) Desa Lestari Sdn. Bhd;
- (4) Desa Plus Sdn. Bhd;
- (5) Suria Capital Holdings Berhad;
- (6) Sabah Development Bank Berhad;
- (7) Progressive Insurance Berhad;
- (8) Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. dan
- (9) Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn.Bhd

141. Saya percaya Badan-badan Berkanun dan Syarikat-syarikat Kerajaan Negeri lain yang mendapat keuntungan akan membayar dividen kepada Kerajaan sebelum hujung tahun ini.

142. Saya berterima kasih kepada Badan-badan Berkanun dan Syarikat-syarikat Kerajaan Negeri yang telah **membayar dividen** setakat ini. Walau bagaimanapun, untuk menyokong dan membantu hasrat dan aspirasi Kerajaan Negeri dalam membangunkan negeri ini, bermula tahun hadapan Badan-badan Berkanun dan Syarikat-syarikat Kerajaan Negeri akan diminta **membayar dividen sekurang-kurangnya 15 peratus** daripada jumlah keuntungan syarikat.

143. Saya juga menghargai badan-badan berkanun dan syarikat Kerajaan Negeri yang telah membuat **pembayaran pinjaman dan faedah** kepada Kerajaan Negeri. Mereka ini ialah:-

- (1) Perbadanan Pinjaman Sabah;
- (2) Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah;
- (3) Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar;
- (4) Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah;
- (5) Tabin Wildlife Holidays Sdn. Bhd;
- (6) KKIP Sdn Bhd;
- (7) Koperasi Pembangunan Desa; dan
- (8) Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn.Bhd

144. Saya juga berharap agar badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan Negeri yang masih berhutang dan belum membayar balik pinjaman kerajaan, supaya berusaha untuk membayar balik pinjaman. Ini akan memberikan peluang kepada rakyat jelata menikmati pembangunan yang boleh dibiayai melalui dana tersebut.

145. Dalam usaha berterusan untuk meningkatkan prestasi badan-badan berkanun dan agensi Kerajaan Negeri, pemantapan sistem **State Company Information System (SCIS)** dan **State Loan System (SLS)** akan diteruskan, yang mana kedua-dua sistem ini telah selesai diintegrasikan. Integrasi ini telah membolehkan Kementerian Kewangan memantau prestasi kewangan dan pembayaran pinjaman badan berkanun dan agensi Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa dengan lebih efisien dan efektif.

146. Dengan terlaksananya integrasi sistem SCIS dan SLS, jumlah pinjaman Kerajaan Negeri termasuk tunggakan telah dapat dikurangkan dan Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip semula hutang tersebut sebanyak **RM291.4 juta** setakat ini.

147. Sebagai satu langkah untuk menambahbaik urus tadbir korporat, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bil.1 Tahun 2015 yang menghendaki semua badan berkanun negeri untuk mengemukakan penyata kewangannya kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 April setiap tahun bermula tahun 2017. Ini adalah selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil.4 Tahun 2007: “Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan.” Sehubungan ini, saya meminta semua Badan Berkanun Negeri untuk mematuhi arahan tersebut.

## **PENGUMUMAN KHAS**

### **Bantuan kepada Pertubuhan Keagamaan Bukan Islam**

Tuan Speaker,

148. Keharmonian kaum, kebebasan beragama dan perpaduan di kalangan rakyat menjadi teras kekuatan kita di Sabah. Dalam konteks amalan hidup beragama, kerajaan sentiasa membantu semua penganut sama ada agama islam atau bukan beragama Islam. Oleh itu pemberian peruntukan akan diteruskan bagi



menyokong dan membantu aktiviti dan **keperluan sekolah-sekolah Cina dan Mubaligh dan pertubuhan-pertubuhan keagamaan bukan Islam**. Untuk itu, kerajaan akan terus menyalurkan **peruntukan sebanyak RM32 juta pada tahun hadapan**.

### **Peruntukan Ahli-ahli Yang Berhormat**

Tuan Speaker,

149. Kita sememangnya sedar dan insaf bahawa amanah yang dipikul susulan mandat yang diberi oleh rakyat amatlah berat. Namun sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, prihatin dan peka dengan kehendak dan keperluan rakyat kita akan terus menyediakan pakej-pakej berkaitan pembangunan sesuai dengan keperluan semasa demi kemudahan dan keselesaan rakyat.

150. Untuk ini, sukacita saya mengumumkan di bawah Bajet 2017 ini **Peruntukan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat akan ditambah daripada RM1 Juta kepada RM2 Juta**. Daripada jumlah itu, peruntukan untuk Sentuhan Kasih akan disediakan sebanyak RM300,000.

151. Dengan peningkatan peruntukan ini, insyaallah ia akan dapat membantu mempermudah lagi semua urusan dan menjayakan peranan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan lebih berkesan lagi.

Dengan Demikian lebih ramai golongan dapat dibantu dan lebih banyak pembangunan dapat dilaksanakan.

152. Selaras dengan peruntukan tambahan yang diberikan ini, saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, supaya memperhebatkan program turun padang, mendampingi rakyat, meninjau pembangunan, menilai kemajuan dan sentiasa memikirkan perancangan pembangunan untuk masa depan kawasan masing-masing.

### **Peruntukan Khas RM53 Juta**

Tuan Speaker,

153. Sesungguhnya tema bajet iaitu “**Rakyat Dijiwai, Kemakmuran Dinikmati**” bukanlah sesuatu yang retorik tetapi penuh realistik. Rekod dan fakta telah membuktikan bahawa selama ini kerajaan yang prihatin ini tidak pernah gagal dalam menyantuni segenap lapisan rakyat menerusi peruntukan yang disalurkan kepada semua kementerian dan jabatan yang berkaitan. Dari golongan belia dan wanita, usahawan dan NGO hinggalah kepada warga emas, dari aktiviti ekonomi berimpak tinggi hinggalah kepada program-program sosial di akar umbi, yang merangkumi semua segmen masyarakat dan kelompok rakyat.

154. Sesungguhnya rakyat adalah aset terpenting bagi sesebuah negeri dan negara. Oleh itu, Kerajaan Barisan Nasional pilihan rakyat

ini **TATAP** mengutamakan kemajuan dan kesejahteraan rakyat setiap masa.

155. Justeru, untuk terus menjiwai rakyat dan memastikan kemakmuran ini kekal kita nikmati bersama, bajet kali ini diistimewakan lagi dengan penyediaan sebuah **dana khas sebagai tambahan (*over and above*) kepada peruntukan-peruntukan sedia ada**. Maka dengan ini, sukacita saya mengumumkan **peruntukan khas berjumlah RM53 juta lagi** dengan agihan seperti berikut:-

Pertama: **RM10 juta** untuk memperkasa pembangunan belia dan kecemerlangan sukan bagi memberi manfaat kepada **682 buah persatuan atau pertubuhan belia dan sukan di seluruh Negeri Sabah** yang meliputi seramai **798,400 orang belia tempatan**;

Kedua: **RM5 juta** untuk meningkatkan pembangunan wanita yang memanfaatkan sebanyak **90 pertubuhan wanita dan seramai 4,505 Ibu Tunggal**. Peruntukan ini juga **termasuk untuk membantu wanita-wanita yang memerlukan perhatian dan bantuan**;

Ketiga: **RM5 juta** untuk menyediakan bantuan khas kepada **seramai 26,612 Orang Kurang Upaya (OKU)**;

Keempat: **RM5 juta** untuk menyantuni keperluan seramai **28,489 orang warga emas** yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah setakat ini;

Kelima: **RM5 juta** untuk **42 buah NGO** bagi melahirkan masyarakat prihatin dan *people oriented* menerusi **aktiviti dan gerakan-gerakan NGO**;

Keenam: **RM10 juta** untuk menyokong **pembangunan dan aktiviti keusahawanan di kalangan pengusaha kecil dan sederhana termasuk Program Pembangunan Usahawan Desa**;

Ketujuh: **RM6 juta** geran kepada **Yayasan Usaha Maju (YUM)** bagi menyediakan lebih banyak peluang usahawan mikro khususnya wanita menceburi bidang perniagaan di peringkat mikro. Untuk rekod YUM telah berjaya **melahirkan seramai 72,110 orang usahawan mikro** dan kita optimis dengan peruntukan khas tambahan ini, kita akan **mampu memberi manfaat kepada seramai 658 usahawan mikro** lagi menerusi Skim Pinjaman Usahawan;

Kelapan: **RM2 juta diperuntukkan** untuk memajukan kampung-kampung mundur melalui **Program**

**Kampung Sejahtera (PKS)** dan ini akan memberi manfaat kepada **tambahan 10 buah kampung** lagi di kawasan luar bandar; dan

Kesembilan: **RM5 juta** disalurkan sebagai modal permulaan kepada **pekebun-pekebun kecil termasuklah petani dan peladang** untuk membangunkan **aktiviti penanaman ubi kayu**. Ini adalah bagi meningkatkan pengeluaran dan bekalan ubi kayu untuk keperluan kilang-kilang sedia ada dan demi merangsang pembangunan industri hiliran berasaskan ubi kayu. Kerajaan **mensasarkan untuk meningkatkan pengeluaran hasil tanaman ubi kayu daripada 5,940 tan metrik kepada 10,439 tan metrik**.

156. **Jika program ini menghasilkan impak yang diharapkan kepada kumpulan sasaran, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menambahkan lagi peruntukan pada masa-masa akan datang.**

## Menghargai Penjawat Awam

Tuan Speaker,

157. Penjawat awam adalah nadi dan jantung kerajaan. Kejayaan dasar-dasar dan program pembangunan kerajaan sangat bergantung kepada keberkesanan dan keutuhan para penjawat awam. Jikalau pincang mereka maka pincang jugalah sistem penyampaian kerajaan.

158. Umpama peribahasa, **kerana nila setitik rosak susu sebelanga**. Demikianlah perihalnya apa yang telah menimpa nama baik perkhidmatan awam negeri baru-baru ini. Penahanan oleh pihak berwajib ke atas beberapa penjawat awam negeri ini bukan sahaja memberi kejutan tetapi sekaligus mengaibkan kita semua.

159. Susah payah kita dalam membina kejayaan dan pencapaian; susah payah kita menyatukan segala tenaga dan upaya bagi menambah baik sistem penyampaian – kini segala usaha itu telah tercemar gara-gara mereka yang lupa diri dan pudar integriti.

160. Saya sangat berdukacita dan amat kecewa kerana inilah apa yang dikatakan sebagai **harapkan pagar, pagar makan padi**; amanah yang diberi tidak dianggap sebagai suatu tanggungjawab yang wajib dipenuhi, sebaliknya dimanipulasi untuk keuntungan peribadi.

161. Sesungguhnya dalam kita menggembeleng segala tenaga dan usaha bagi memajukan rakyat dan negeri, kita tidak akan berkompromi atas isu-isu yang berkaitan salah guna kuasa dan keselamatan negara. Semoga usaha murni kita untuk memakmurkan negeri serta mempertingkatkan kualiti hidup rakyat akan terus tercapai dan terlaksana dengan jayanya, insya Allah.

Tuan Speaker,

162. Saya yakin, bahawa sebilangan besar anggota penjawat awam di negeri ini adalah komited dan berdedikasi terhadap tugas dan tanggungjawab mereka. Kepada mereka yang berjiwa cemerlang ini dan benar-benar mencurahkan khidmat dan bakti; sesuai dengan keputusan Kerajaan Persekutuan dalam Bajet Nasional baru-baru ini, maka Kerajaan Negeri bersetuju untuk **memberikan bantuan khas sebanyak RM500 kepada semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dan anggota Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM)**. Bayaran bantuan khas ini akan dibuat serentak bayaran gaji pada bulan Januari 2017 nanti.

163. Kerajaan Negeri juga mengambil berat tentang isu kemampuan memiliki rumah sendiri di kalangan penjawat awam negeri. Oleh itu, sukacita saya memakumkan bahawa Kerajaan Negeri bersetuju untuk **menaikkan had kelayakan pinjaman perumahan penjawat awam negeri daripada 350 ribu ringgit kepada 500 ribu ringgit**.

## PENUTUP

Tuan Speaker,

164. Sesungguhnya, perjuangan untuk membela rakyat dan memajukan negeri di bawah Kerajaan Barisan Nasional ini tiada penghujungnya! Selagi hayat dikandung badan, selagi kudrat ada di tangan, Kerajaan Barisan Nasional pilihan rakyat ini akan terus berjuang, berusaha dan berbakti tanpa mengenal jemu demi kecemerlangan dan kebahagiaan rakyat seluruhnya!

165. Benarlah kata-kata Chief Seattle bekas ketua kaum Red Indian di Amerika Utara yang hidup pada abad ke-18. ***“We do not inherit the earth from our ancestors; we borrow it from our children”***. Negeri ini adalah amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita, untuk kita serahkan kepada generasi yang akan datang. Oleh itu, wajiblah kita menjaga, memelihara dan memakmurkan tanah pusaka yang tidak ternilai ini agar mereka yang bakal mewarisinya dapat mengecap nikmat pembangunan yang kita asaskan selama ini.

166. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin dan sentiasa mengutamakan rakyat, Barisan Nasional Negeri Sabah tidak akan tunduk dengan tekanan dan ugutan terutama dari mereka yang membenci kerajaan. Kami yakin, rakyat bijak menilai yang mana batu yang mana permata, yang mana palsu dan yang mana benar-benar bernilai dan berharga. Sekali kita melafaz janji, janji itu pasti kita



tepati. Kerajaan Barisan Nasional tidak akan menjanjikan bulan dan bintang tetapi kita berjanji atas apa yang mampu kita penuhi.

167. Betapa pun hebatnya badai melanda atau ribut yang datang menggoncang, kita **TATAP** berdiri teguh membanting kudrat dan menggalas amanah dengan satu tekad untuk memastikan kesejahteraan rakyat terbela dan terpelihara.

168. Sesungguhnya cabaran dan rintangan yang kita hadapi adalah pahit manis perjuangan yang harus ditempuhi dengan semangat juang yang padu dan jitu. Kita berani menghadapi cabaran kerana matlamat kita jelas dan ikhlas demi kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat seluruhnya.

169. Duduk semeja dan bermusyawarah adalah pendekatan dan acuan yang kita garap dalam mengemudi kepimpinan. Kita tidak mengamalkan sikap yang suka mengadu domba, mencerca, menghasut dan memfitnah. Kita yakin dan percaya bahawa kejujuran, keikhlasan dan permuafakatan adalah pendekatan yang terbaik untuk menjayakan sebuah perjuangan bangsa dengan semangat ***“Dari Rakyat Kepada Rakyat”***.

170. Justeru saya menyeru kepada semua, marilah kita bersatu tenaga, bergerak bersama, memantapkan tekad untuk memperjuangkan nasib anak bangsa dan melakarkan kemajuan dan kemakmuran di bumi yang kita cintai ini. Kerana sesungguhnya

kejayaan itu bermula dari satu impian. ***Dream is not that which you see while sleeping... It is something that does not let you sleep!***

Sungai Padas mengalir deras  
Tebing runtuh menjadi rata  
Amanah digalas setulus ikhlas  
Hanya untuk negeri tercinta

Pokok Seluang tumbuh di desa  
Tepi dataran cantik berseri  
BN berjuang tak kira masa  
Demi rakyat dan juga negeri.

171. Akhir sekali, sama-samalah kita berdoa semoga Allah SWT memberikan kita kudrat dan memberkati perjuangan suci ini. Semoga Negeri Sabah sentiasa dalam lindungan dan rahmat Allah SWT. Aamiin!

Tuan Speaker,

Saya mohon mencadang.